



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 OGOS 2022 (JUMAAT)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

12 OGOS 2022 (JUMAAT)

'Harga nasi ayam belum turun'

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyarankan peniaga menurunkan harga makanan susulan harga bahan asas yang mula stabil.

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya menuntut kerjasama daripada peniaga untuk menurunkan harga makanan sekaligus dapat meringankan beban pengguna.

"Apabila harga bahan mentah turun, seharusnya harga makanan yang sudah dimasak juga turun.

"Tetapi apabila bahan mentah turun, harga makanan tidak pula turun. Ahad lalu saya pergi ke pasar dan lihat harga ayam ada yang turun kepada RM6.40 sekilogram, tapi harga nasi ayam masih belum turun," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, KPDNHEP sentiasa memantau dan mengingatkan peniaga supaya tidak mengenaikan harga yang tidak munasabah terhadap makanan yang dijual.

Dalam pada itu, beliau juga memberi amaran kepada kartel yang terus memonopoli harga barang di negara ini sehingga menyusahkan banyak pihak.

"Kita akan terus menyiasat unsur kartel dan tidak akan membiarkan mereka berfeluasa. Contohnya isu ayam baru-baru ini, apabila ada unsur kartel maka kita akan ambil tindakan," katanya.

ROSOL



Kesan risiko gangguan bekalan makanan utama pengguna

KPDNHEP pantau 20 syarikat ayam

DEWAN NEGARA

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjalankan pemantauan ke atas 20 syarikat pengeluar ayam pedaging utama bagi mengesan lebih awal risiko gangguan bekalan di peringkat pengeluaran.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ia merangkumi tiga syarikat integrator dan 17 syarikat non-integrator, manakala langkah itu supaya tindakan sewajarnya dapat diambil bagi memastikan bekalan ayam di pasaran sentiasa stabil.

"Langkah lain yang dilakukan ialah membuat unjuran pengeluaran ayam setiap bulan bagi membolehkan kementerian merangka pelan tindakan sewajarnya sekiranya dijangkakan berlaku ekoran kekurangan bekalan



KPDNHEP menjalankan pemantauan ke atas 20 syarikat pengeluar ayam pedaging utama bagi mengesan lebih awal risiko gangguan bekalan makanan itu. – GAMBAR HIASAN

ayam di pasaran.

"Dalam masa sama, pemeriksaan harian dilakukan bagi memantau kedudukan bekalan serta keberadaan ayam dan telur di

setiap rantaian pengedaran iaitu di peringkat pengeluar, pemborong dan peruncit," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan lisan oleh Se-

nator Noraini Idris di Dewan Negara semalam.

Mengulas lanjut, Alexander berkata, langkah seterusnya ialah mengeluarkan arahan ke-

pada peruncit untuk memperbarui stok bekalan yang ada di premis masing-masing serta menghubungi pemborong dan pengeluar jika stok mereka jatuh ke tahap pesanan semula.

"Sebagai kementerian yang bertanggungjawab untuk memastikan bekalan ayam dan telur kembali stabil, KPDNHEP akan terus mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri dan agensi-agensi kerajaan yang terlibat.

"Ia bagi mengenal pasti punca dan mencari kaedah penyelesaian yang adil dan kondusif bagi memastikan isu kekurangan bekalan telur ayam ketika ini dapat diatasi segera," katanya.

Sementara itu, katanya, bermula 23 Jun 2022 penguat kuasa KPDNHEP telah melaksanakan Pemeriksaan Ops ATM (ayam, telur dan minyak masak) di setiap peringkat rantai pembekalan dan pengedaran.

"Tujuannya adalah untuk memastikan keberadaan bekalan adalah stabil dan tiada isu berkaitan kegiatan sorok barang kawalan dan keperluan harian di pasaran selaras dengan Kempen Anti-Sorok yang dilancarkan pada awal tahun ini," tambah beliau.

Sindiket seludup diesel di Lukut tumpas

PORT DICKSON: Kegiatan penyelewengan minyak diesel di kawasan lot terpencil dengan keseluruhan rampasan bernilai RM116,500 terbongkar dalam serbuan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan di Kampung Sri Parit, Lukut, di sini semalam.

Lebih mengejutkan, haiwan yang dilindungi di bawah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) turut ditemukan dan dirampas dalam serbuan itu.

Ketua Pengawai Pengguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan, Abd. Muis Samsudin berkata, serbuan kira-kira pukul 7.55 malam itu dijalankan dengan kerjasama Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan.

"Ketika serbuan dijalankan, pasukan operasi mendapati dua suspek lelaki berada dalam keadaan mencurigakan menjalankan kerja-kerja pemindahan minyak yang dipercayai diesel daripada sebuah lori tangki ke sebuah lori tangki lain menggunakan hos penyambung di sebuah kawasan lot terpencil.

"Pemeriksaan lanjut ke atas sebuah lori tangki pertama mendapat wujud kira-kira 9,000 liter cecair yang dipercayai minyak diesel manakala lori tangki kedua mengandungi kira-kira 8,000 liter minyak diesel," katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut Abd. Muis, hasil serbuan tersebut dianggarkan sebanyak 17,000 liter minyak diesel disita untuk tujuan siasatan dengan nilai rampasan berjumlah RM36,550.

"Turut disita dua buah lori tangki serta peralatan-peralatan yang digunakan di tempat serbuan seperti hos penyambungan dengan anggaran jumlah keseluruhan nilai rampasan RM116,550," katanya.

Dua lelaki tempatan ditahan, nilai rampasan termasuk diesel RM116,550

Serbu penyeludup, dapat helang merah

Oleh NOR SHAFAWATI YUP

PORT DICKSON — Tindakan dua lelaki yang mencurigakan di sebalik dua buah lori tangki berjaya membongkar kegiatan penyelewengen diesel bernilai RM36,550 di satu kawasan lot terpencil di Kampung Sri Parit, Lukut di sini kelmarin.


Serbuan pukul 7.55 malam itu dijalankan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan dan pihak polis turut membawa kepada pemerluan dua ekor helang merah.

Ketua Pengawal Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, Abd. Muis Samsudin berkata, ketika intipan dilakukan, terdapat dua suspek lelaki warga tempatan berusia 36 dan 53 tahun berada dalam keadaan mencurigakan.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut dijalankan mendapati kedua-dua mereka sedang menjalankan kerja-kerja pemindahan diesel dari sebuah lori ke lori lain menggunakan hos penyambung.

"Pemeriksaan ke atas lori tangki pertama mendapati, terdapat kira-kira 9,000 liter cecair dipercayai diesel, manakala lori tangki kedua mengandungi kira-kira 8,000 (diesel)," katanya.

Menurut Abd. Muis, dianggar-kan sebanyak 17,000 liter minyak



DUA buah lori tangki mengandungi 17,000 liter diesel disita dalam serbuan di Lukut, Port Dickson kelmarin.

diesel disita dengan nilai rampasan berjumlah RM36,550.

"Turut disita dua buah lori tangki serta peralatan-peralatan yang digunakan di tempat serbuan dengan anggaran jumlah keseluruhan nilai rampasan RM116,550," ujarnya.

Abd. Muis berkata, suspek

tidak mempunyai Permit Khas atau Surat Kebebasan daripada Pengawal Bekalan bagi beruruskan dengan Barang Kawaian Berjadual turut ditahan bagi silsatan lanjut.

Sementara itu, Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Rustan Khalid berkata, sindiket pe-

nyelewengen minyak diesel itu juga didapati memiliki haiwan dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

"Dalam operasi ini dua ekor burung helang merah yang merupakan spesies haiwan dilindungi di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 turut dirampas.



SALAH seekor burung helang merah yang dirampas pihak polis.

"Sabit kesalahan pemilik boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya," katanya.

Katanya, dua ekor burung helang merah itu telah dibawa ke Pejabat Perhilitan Negeri Sembilan untuk tindakan selanjutnya.



ANGGOTA penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan memeriksa lori tangki dalam serbuan kegiatan penyeleweng minyak diesel bersubsidi di Lukut.

Port Dickson lubuk seleweng diesel

Seremban: Walaupun berulang kali operasi dilakukan namun daerah Port Dickson masih menjadi 'lubuk' kegiatan penyeleweng minyak diesel bersubsidi.

Ini dibuktikan apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan sekali lagi berjaya menyita 17,000 liter diesel bernilai RM36,550 di Lukut, Port Dickson, malam kelmarin.

Ketua Pegawai Penguasa Kuda KPDNHEP negeri, Abd Muis Samsudin berkata, pasukan penguat kuasa KPDNHEP bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari Ibu Pejabat Polis Kontingen (IPK) negeri menyerbu sebuah lokasi terpencil di Kampung Sri Parit Lukut di sini, jam 7.55 malam kelmarin.

"Ketika serbuan dijalani-

kan, pasukan operasi mendapati dua suspek sedang menjalankan kerja pemindahan diesel daripada lori tangki menggunakan hos penyambung.

"Pemeriksaan lanjut ke atas lori tangki pertama menemui 9,000 liter diesel. Manakala lori tangki kedua berisi kira-kira 8,000 liter diesel," katanya, semalam.

Beliau berkata, hasil siasatan mendapati suspek yang ditahan di lokasi kejadian tidak mempunyai sebarang lesen atau permit khas bagi berurus dengan barangang kawalan berjaya.

Menurutnya, kesemua diesel dirampas bernilai RM36,550.

Abd Muis berkata, dua lelaki rakyat tempatan masing-masing berusia 36 dan 53 tahun turut ditahan bagi siasatan lanjut.

Pemandu lori cuba seleweng diesel bersubsidi di stesen minyak ditahan

IPOH — Cubaan untuk menyelweng minyak diesel bersubsidi berjaya dipatahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak dalam serbuan di sebuah stesen minyak di Pusing dekat sini kelmarin.

Pengaruhnya, Saifullizan Kamarul Zaman berkata, serbuan sekitar pukul 2.30 petang itu dilakukan hasil maklumat orang awam dan intipan yang dijalankan selama dua minggu.

Katanya, ketika serbuan dijalankan, terdapat sebuah lori bertutup kanvas sedang mengisi minyak diesel di stesen tersebut dan pemeriksaan mendapati terdapat cecair disyaki diesel disimpan di dalam dua tangki plastik di atas lori berkenaan.

"Pemeriksaan lanjut mendapati saluran tangki asal minyak lori terbabit telah diubah suai dan disambungkan dengan dua tangki tersebut.



PEGAWAI penguat kuasa KPDNHEP Perak memeriksa tangki plastik dalam serbuan di stesen minyak di Pusing, Batu Gajah kelmarin.

"Semakan lanjut mendapati, pemandu lori juga tidak mempunyai sebarang dokumen atau permit yang sah bagi membeli minyak diesel," katanya semalam.

Menurut beliau, pemandu lori berumur 41 tahun ditahan untuk siasatan lanjut, manakala 1,400 liter minyak diesel dengan nilai sitaan berjumlah RM14,160

dirampas.

Katanya, tindakan juga diam-bil ke atas stesen minyak tersebut kerana menjual barang kawan kepada individu yang tidak mempunyai permit yang sah.

"Kes ini disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974," jelasnya.

HARI : JUMAAT
TARIKH : 12/08/2022
M/SURAT : 16



• Ayam	RM6.99	• Telur Gred A	RM12.90	• Gula Pasir	RM2.84	• Cili Merah	RM13.99
• Daging Lembu Tempatan	RM39	• Ikan Kembung	RM12.90	• Bawang Besar Holland	RM3.89	• Kubis Tempatan	RM4.00
• Daging Lembu Import	RM29.99	• Minyak Masak	RM6.70	• Bawang Putih	RM5.50	• Tepung Gandum	RM2.80

*Harga (RM/kg) Sumber: KDNHEP



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (BERITA UMUM)

12 OGOS 2022 (JUMAAT)

Mohd Zuki dilantik semula sebagai KSN

SHAH ALAM - Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Riayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas perakuan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah memperkenankan pelantikan semula Tan Sri Mohd Zuki Ali sebagai Ketua Setiausaha Negara secara kontrak.

Pejabat Perdana Menteri dalam kenyataan berkata, lantikan tersebut adalah selama dua tahun yang berkuat kuasa mulai 11 Ogos tahun ini hingga 10 Ogos 2024.

Menurut kenyataan itu, pelantikan semula Mohd Zuki adalah atas kepentingan negara kerana perkhidmatan beliau sebagai Ketua Setiausaha Negara masih diperlukan.

"Tan Sri Mohd Zuki Ali, 60, yang dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara sejak 31 Disember 2019 merupakan seorang yang berpengalaman luas dalam perkhidmatan awam.

"Beliau yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dari Nanyang University, Singapura pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

"Selain itu, beliau pernah bertugas di Istana Negara dan Jabatan Perdana Menteri serta pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan," katanya dalam kenyataan pada Khamis.



MOHD ZUKI

Kontrak KSN disambung 2 tahun

Putrajaya: Tan Sri Mohd Zuki Ali (*gambar*) dilantik semula sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN) secara kontrak selama dua tahun berkuat kuasa 11 Ogos hingga 10 Ogos 2024, Pejabat Perdana Menteri mengumumkan semalam.

Pelantikan semula Mohd Zuki sebagai KSN diperkenankan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas perakuan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

"Pelantikan semula Tan Sri Mohd Zuki Ali adalah atas kepentingan negara kerana perkhidmatan beliau sebagai Ketua Setiausaha Negara masih dipérlukan," menurut Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan.

Mohd Zuki, 60, dilantik sebagai KSN sejak 31 Dis 2019 dan merupakan seorang yang berpengalaman luas dalam perkhidmatan awam.

Beliau yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pe-



ngurusan Perniagaan dari Nanyang University, Singapura pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Beliau juga pernah bertugas di Istana Negara dan Jabatan Perdana Menteri serta pernah menjawat jawatan sebagai Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan.



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

12 OGOS 2022 (JUMAAT)

MyCC cadang penalti kewangan RM46.36j terhadap FFM Bhd

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mencadangkan untuk mengenakan penalti kewangan RM46.36 juta ke atas FFM Bhd, anak syarikat 80-peratus PPB Group Bhd berikutnya penemuan mengenai dakwaan melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, PPB berkata, dakwaan MyCC terhadap FFM itu berhubung kononnya ia memerlukan perjanjian atau amalan bersepudu oleh pengilang makanan ayam tertentu dalam menetapkan harga makanan ayam.

"Tertakluk kepada penemuan berhubung dakwaan pelanggaran itu, MyCC telah mencadangkan untuk mengenakan penalti kewangan RM46.36 juta ke atas FFM. Tiada impak kewangan dari segi operasi atau material kepada kumpulan itu," katanya.

Ia berkata, FFM mungkin mengemukakan repretensi bertulis kepada MyCC selewat-lewatnya 20 September dan syarikat itu se-

dang bekerjasama dengan penasihatnya mengenai representasinya kepada MyCC.

Namun begitu, ia berkata, keputusan yang dicadangkan dan kemungkinan penalti RM46.36 juta bukan muktamad dan tidak muktamad ketika ini kerana MyCC dalam satu kenyataan akbar bertarikh 5 Ogos 2022, menekankan pemenuannya adalah sementara dan tidak boleh diandaikan bahawa mana-mana entiti melanggar undang-undang pada peringkat ini.

Pada 5 Ogos, MyCC mengeluarkan keputusan yang dicadangkan terhadap lima pengilang makanan kerana melanggar Seksyen 4 Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Empat pengilang makanan ternakan lain yang menerima notis keputusan yang sama yang dicadangkan oleh MyCC ialah Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd, Gold Coin Feedmills (Malaysia) Sdn Bhd, Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn Bhd dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd.

BERITA ONLINE BERTARIKH 12 OGOS 2022			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
12-Aug	KPDNHEP pantau 20 pengeluar ayam pedaging utama	https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/11/kpdnhep-pantau-20-pengeluar-ayam-pedaging-utama/	HARAKAH DAILY
12-Aug	Isu bekalan ayam: Pantau syarikat pengeluar ayam pedaging utama	https://www.kosmo.com.my/2022/08/11/isu-bekalan-ayam-pantau-syarikat-pengeluar-ayam-pedaging-utama/	KOSMO
12-Aug	Perbincangan pastikan harga ayam mampu beli di masa hadapan - KPDNHEP	https://www.astroawani.com/video-malaysia/perbincangan-pastikan-harga-ayam-mampu-beli-di-masa-hadapan-kpdnhep-1982108	ASTRO AWANI
12-Aug	Pacu jenama AEON BiG	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/215840	SINAR HARIAN
12-Aug	Lari tinggal 289 kg minyak masak peket	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/870557/lari-tinggal-289-kg-minyak-masak-peket	HARIAN METRO
12-Aug	Lagi kes seleweng diesel bersubsidi, KPDNHEP Perlis cekup lelaki tempatan	https://berita.rtm.gov.my/index.php/jenayah/44944-lagi-kes-seleweng-diesel-bersubsidi-kpdnhep-perlis-cekup-lelaki-tempatan	BERITARTM
12-Aug	KPDNHEP, polis tumpas penyelewengan diesel bersubsidi	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/215851	SINAR HARIAN

12-Aug	Sindiket seludup diesel tumpas, jumpa haiwan dilindungi	https://www.utusan.com.my/nasional/2022/08/sindiket-seludup-diesel-tumpas-jumpa-haiwan-dilindungi/	UTUSAN MALAYSIA
12-Aug	AKTIVITI SELEWENG MINYAK DIESEL BERSUBSIDI TUMPAS	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2022/08/987100/aktiviti-seleweng-minyak-diesel-bersubsidi-tumpas	BERITA HARIAN
12-Aug	KPDNHEP N.Sembilan Tumpas Kegiatan Seleweng Diesel	https://www.getaran.my/artikel/semasa/28752/kpdnhep-n.sembilan-tumpas-kegiatan-seleweng-diesel	GETARAN.MY
12-Aug	Sindiket Seleweng Indiket Seleweng Diesel Subsidi Di Port Dickson Tumpas	https://www.buletintv3.my/nasional/sindiket-seleweng-indiket-seleweng-diesel-subsidi-di-port-dickson-tumpas	BULETINTV3
12-Aug	Lorry driver nabbed for misappropriating subsidised diesel in Ipoh	https://www.thestar.com.my/news/nation/2022/08/11/lorry-driver-nabbed-for-misappropriating-subsidised-diesel-in-ipoh	THESTAR
12-Aug	Stesen minyak seleweng diesel bersubsidi diserbu	https://www.utusan.com.my/nasional/2022/08/stesen-minyak-seleweng-diesel-bersubsidi-diserbu-2/	UTUSAN MALAYSIA
12-Aug	KPDNHEP didesak siasat harga 'colek' melambung di PCB	https://www.utusan.com.my/berita/2022/08/kpdnhep-didesak-siasat-harga-colek-melambung-di-pcb/	UTUSAN MALAYSIA
12-Aug	Kelantan KPDNHEP seizes 289kg of subsidised cooking oil	https://www.thesundaily.my/local/kelantan-kpdnhep-seizes-289kg-of-subsidised-cooking-oil-ND9577348	THESUNDAILY
12-Aug	KPDNHEP DIGESA AMBIL TINDAKAN PENIAGA JUAL MINYAK MASAK MELEBIHI HARGA SILING	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdnhep-digesam-ambil-tindakan-peniaga-jual-minyak-masak-melebihi-harga-siling-375684%3famp=1	ASTROAWANI

12-Aug	KPDNHEP SARIKEI RAMPAS 600 MINYAK MASAK PEKET DI SARIKEI	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdnhep-sarikei-rampas-600-minyak-masak-peket-di-sarikei-375654%3famp=1	ASTROAWANI
12-Aug	Ministry seizes 600kg of packet cooking oil from Sarikei house	https://www.google.com/amp/s/www.theborneopost.com/2022/08/11/ministry-seizes-600kg-of-packet-cooking-oil-from-sarikei-house/%3famp	THEBORNEOPOST
12-Aug	KPDNHEP RAMPAS 600 PAKET MINYAK MASAK DI SARIKEI	https://suarasarawak.my/2022/08/kpdnhep-rampas-600-paket-minyak-masak-di-sarikei/	SUARA SARAWAK
12-Aug	KPDNHEP SARIKEI seizes 600KG-OF-SUBSIDISED-COOKING OIL STASHED IN HOUSE	https://dayakdaily.com/kpdnhep-sarikei-seizes-600kg-of-subsidised-cooking-oil-stashed-in-house/	DAYAKDAILY
12-Aug	KPDNHEP urged to act against traders selling cooking oil above ceiling price	https://www.thesundaily.my/local/kpdnhep-urged-to-act-against-traders-selling-cooking-oil-above-ceiling-price-AD9577013	THESUNDAILY
12-Aug	KPDNHEP KELANTAN RAMPAS 289KG MINYAK MASAK BERSUB-SIDI	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2110031	BERNAMA
12-Aug	KPDNHEP DIGESA AMBIL TINDAKAN PENIAGA JUAL MINYAK MASAK MELEBIHI HARGA SILING	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2110074	BERNAMA
12-Aug	Sindiket seleweng minyak diesel di Perlis tumpas	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/215925	SINAR HARIAN
12-Aug	Tiada kompromi jika tawar rawatan gigi tanpa doktor bertauliah	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/08/870711/tiada-kompromi-jika-tawar-rawatan-gigi-tanpa-doktor-bertauliah	HARIAN METRO

12-Aug	Tiada kompromi jika tawar rawatan gigi tanpa doktor bertauliah	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/215984	SINAR HARIAN
12-Aug	Tiada kompromi terhadap pihak beri rawatan gigi tanpa doktor bertauliah – Khairy	https://www.google.com/amp/s/malaysiaga-zette.com/2022/08/11/tiada-kompromi-terhadap-pihak-beri-rawatan-gigi-tanpa-doktor-bertauliah-khairy/%3famp	MALAYSIAGAZETTE
12-Aug	KKM TIDAK KOMPROMI DOKTOR GIGI HARAM	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/08/987357/kkm-tidak-kompromi-doktor-gigi-haram	BERITA HARIAN
12-Aug	No compromise for unqualified individuals offering dental services — Khairy	https://www.theedgemarkets.com/article/no-compromise-unqualified-individuals-offering-dental-services-%E2%80%94-khairy	THEEDGEMARKETS